

12/09/1999

Pihak dalam agama cuba lemahkan Islam

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengingatkan rakyat, khususnya orang Melayu mengenai pihak yang mendalami agama tetapi bertujuan melemahkan umat Islam. Sambil melahirkan rasa sedih dengan sikap orang Islam dan pemimpin Islam yang membuat tafsiran salah itu, beliau berkata:

"Kita akui mereka mempunyai pengetahuan agama dan boleh bercakap dalam bahasa Arab dengan fasih, tetapi kemampuan mengguna bahasa itu tidak semestinya apa yang dikatakan oleh mereka adalah tepat.

"Orientalis Barat juga menguasai bahasa Arab dan agama Islam, tetapi tujuan mereka bukan untuk menerangkan perkara yang terdapat dalam al-Quran dan hadis."

Perdana Menteri berkata demikian ketika merasmikan bangunan baru Umno bahagian Titiwangsa di sini, semalam. Turut hadir Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Suleiman Mohamed dan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan ke Wilayah Persekutuan kemudian mengadakan perjumpaan dengan ahli Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan di bangunan baru itu.

Presiden Umno itu berkata, pihak terbabit menguasai agama kerana ada kepentingan lain dan rakyat tidak boleh kata orang fasih dan belajar agama saja boleh bercakap mengenai Islam.

"Umno berpegang kuat kepada ajaran agama dan sebab itu kita berbaik dengan semua orang Islam kerana kita bersaudara, termasuk ahli Pas.

"Bagaimanapun, ahli Pas sudah dibawa ke arus yang tidak benar oleh pemimpin mereka kerana politik parti," katanya sambil menambah parti itu sudah lari jauh dari asas perjuangannya.

Perdana Menteri berkata, Allahyarham Tan Sri Mohd Asri Muda, bekas presiden Pas sendiri meninggalkan parti itu apabila mendapati pemimpin parti berkenaan yang keterlaluan, menolak kepemimpinannya.

"Allahyarham meninggal dunia sebagai ahli Umno dan bukan sebagai ahli Pas," katanya.

Dr Mahathir berkata, Umno ditubuhkan bukan untuk mengutuk atau memaki-hamun pihak lain untuk mendapat sokongan rakyat.

"Kita ditubuhkan untuk berbaik-baik dan memajukan semua pihak, Umno tidak akan lupa tanggungjawabnya.

"Cara Umno ialah kita akan membuat penjelasan kepada apa yang benar dan ini termasuk tafsiran yang tidak baik yang diselewengkan oleh orang tertentu termasuk yang membabitkan hal keagamaan," katanya.

Beliau berkata, Umno perlu menjadi sebuah parti politik yang kukuh supaya ia dapat meneruskan usaha memerintah negara secara baik.

Perdana Menteri berkata, dengan meneruskan pemerintahan negara, Umno dapat membangunkan bukan saja bandar raya Kuala Lumpur tetapi juga bandar lain dan kawasan luar bandar, supaya rakyat terus mendapat nikmat.

"Umno bukan saja parti politik untuk mendapat sokongan rakyat supaya pemimpinnya dapat menjadi wakil rakyat, menteri-menteri dan perdana menteri, tetapi Umno lebih daripada itu," katanya.

(END)